

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHAN FOONG HIN [ KOTA KINABALU ]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Malaysia akan menerima pelarian Uighur atau menghantar ke negara ketiga.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Malaysia mengamalkan Dasar Luar Negara yang sentiasa memperjuangkan hak untuk setiap negara supaya menyelesaikan masalah dalamannya tanpa campur tangan dari pihak luar. Isu penindasan umat Islam di seluruh dunia termasuk ke atas etnik Uighur di wilayah Xinjiang, China wujud dan perlu diakui oleh semua pihak. Namun, dalam hal pelarian Uighur, Kerajaan berpendirian untuk tidak campur tangan di dalam hal ehwal dalaman Republik Rakyat China.

2. Justeru, sekiranya terdapat pelarian Uighur yang melarikan diri ke Malaysia untuk mendapatkan perlindungan, Malaysia tidak akan mengekstradisi pelarian Uighur walaupun terdapat permohonan daripada Republik Rakyat China. Mereka dibenarkan untuk pergi ke negara ketiga kerana mereka mempunyai ketakutan berasas ke atas keselamatan dirinya atau berkemungkinan berlaku penganiayaan terhadapnya, yang mana pada pertimbangan dirinya tidak akan mendapat perlindungan yang adil di negara asalnya.

Sekian, terima kasih.